



TENGGU ABDULLAH SULTAN AHMAD SHAH diiringi Daing Nasir Ibrahim (dua dari kanan) menyampaikan duit raya kepada mahasiswa golongan asnaf dalam Majlis Hari Raya Aidilfitri UMP di Pekan, Pahang, semalam. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN

UTUSAN (DALAM NEGERI) m/s B 29 JULAI 2016

Tengku Abdullah sertai sambutan Aidilfitri UMP

PEKAN 28 Julai - Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Aidilfitri **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** yang dihadiri lebih 1,500 warga universiti itu di kampus utamanya di sini hari ini.

Yang berangkat sama mengiringi baginda ialah Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Ketibaan baginda yang juga Canselor UMP disambut pengerusan tertinggi universiti itu diketuai Pengerusi Lembaga Penga-

rahnya, Datuk Seri Mohd. Hilmey Mohd. Taib dan Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Daing Nasir berkata, operasi kampus UMP Pekan yang berkeluasan 260 hektar bermula secara berperingkat sejak 27 Jun 2009.

“Buat masa ini kampus ini menempatkan tiga buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan.

“Pihak pengurusan juga akan memastikan peratus guna tanah

bagi tujuan pembangunan daripada keseluruhan kampus ini dapat dipertingkatkan dari 20.3 peratus ke 34.11 peratus menjelang 2020,” katanya.

Beliau berkata, peningkatan guna tanah bagi tujuan pembangunan fizikal kampus itu turut menandakan pertambahan bilangan mahasiswa dan warga kerja dari semasa ke semasa.

“Perkembangan ini juga memberi impak yang positif dan signifikan kepada kerancakan ekonomi setempat di Mukim Kuala Pahang dan bandar Pekan,” katanya.